


SULIT*

Bahagian A

1 *Keluk kemungkinan pengeluaran* menggambarkan kombinasi dua jenis barang yang dapat dihasilkan

- A dengan menggunakan semua sumber ekonomi
- B dengan menggunakan sebahagian daripada sumber ekonomi
- C secara maksimum dengan menggunakan semua sumber dalam ekonomi
- D secara maksimum dengan menggunakan sebahagian daripada sumber ekonomi

2 Gambar rajah di bawah menunjukkan *keluk kemungkinan pengeluaran (MG)* bagi sebuah negara.



Pernyataan yang manakah adalah **benar** sekiranya semakin banyak barang pengguna dihasilkan?

- A Pengurangan pengeluaran yang sama bagi barang modal
- B Pengurangan pengeluaran yang semakin besar bagi barang modal
- C Pertambahan pengeluaran yang semakin kecil bagi barang modal
- D Pertambahan pengeluaran yang semakin besar bagi barang modal

3 Sistem ekonomi pasaran bebas gagal menyediakan *barang awam* kerana

944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

- A barang awam tidak tertakluk kepada kos lepas
- B barang awam tidak tertakluk kepada prinsip pengecualian
- C permintaan ke atas barang awam mempunyai keanjalan sifar
- D pengeluar tidak dapat menetapkan harga yang tinggi untuk barang awam

4 Antara pernyataan berikut, yang manakah yang **tidak** akan mengalihkan keluk permintaan bagi kopi?

- A Kenaikan harga teh
- B Pertambahan penduduk
- C Pengurangan harga gula
- D Pengurangan harga kopi

5 Apakah yang dijangka akan berlaku pada keseimbangan sekiranya keluk penawaran berpindah ke kanan?

- A Harga menurun dan kuantiti diminta meningkat
- B Harga meningkat dan kuantiti ditawarkan menurun
- C Kuantiti diminta, kuantiti ditawarkan, dan harga meningkat
- D Kuantiti diminta tidak berubah, manakala harga dan kuantiti ditawarkan menurun

6 Andaikan bahawa fungsi permintaan barang X adalah seperti berikut,


$$Q_{dx} = 10 + 2P_x$$

dengan Q_{dx} ialah kuantiti diminta barang X dan P_x ialah harga barang X . X ialah barang

- A normal
- B mewah
- C pengganti
- D penggenap

7 Gambar rajah di bawah menunjukkan keadaan keseimbangan pasaran.

Harga(RM)




944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*



Jika kerajaan mengenakan cukai sebanyak $RM5.00$, maka

- A kerajaan memberikan subsidi kepada pengguna sebanyak $RM2.50$
- B pengguna dan pengeluar menanggung beban cukai yang sama banyak
- C pengguna terpaksa membayar dengan harga tambahan $RM5.00$ daripada harga asal
- D beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar lebih besar daripada yang ditanggung oleh pengguna

8 Sebuah firma menghadapi keluk permintaan yang berbentuk hiperbola. Apakah kesan kepada jumlah perbelanjaan pengguna jika firma tersebut menaikkan harga keluarannya?

- A Jumlah perbelanjaan pengguna berkurang
- B Jumlah perbelanjaan pengguna bertambah
- C Jumlah perbelanjaan pengguna tidak berubah
- D Jumlah perbelanjaan pengguna sukar ditentukan

9 Jadual di bawah menunjukkan harga dan jumlah perbelanjaan seorang pengguna terhadap barang X

| Harga (RM) | Jumlah perbelanjaan (RM) |
|---------------|-----------------------------|
|---------------|-----------------------------|

944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

| | |
|------|-------|
| 1.00 | 8.00 |
| 2.00 | 12.00 |
| 3.00 | 12.00 |
| 4.00 | 8.00 |
| 5.00 | 0.00 |

Fungsi permintaan bagi barang X ialah

- A $Qd = 8 - P$
- B $Qd = 8 - 2P$
- C $Qd = 10 - P$
- D $Qd = 10 - 2P$

10 Keanjalan silang barang X terhadap harga barang Y ialah -3 . Jika kuantiti barang X yang asal ialah 1000 unit, berapakah kuantiti barang X yang baru apabila harga barang Y naik daripada $RM20.00$ perunit kepada $RM24.00$ per unit?

- A 400 unit
- B 600 unit
- C 800 unit
- D 1200 unit

11 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan keluaran sut bagi sebuah firma

| <i>Kuantiti buruh (orang)</i> | <i>Keluaran sut (unit)</i> |
|---------------------------------|------------------------------|
|---------------------------------|------------------------------|

SULIT*

| | |
|---|-----|
| 1 | 40 |
| 2 | 60 |
| 3 | 50 |
| 4 | 30 |
| 5 | 10 |
| 6 | 0 |
| 7 | -10 |

Berapakah jumlah keluaran maksimum?

- A 60 unit
- B 170 unit
- C 180 unit
- D 190 unit

12 Kos eksplisit sebuah firma merujuk kepada

- A kos minimum firma apabila beroperasi
- B kos maksimum firma apabila meningkatkan output
- C semua perbelanjaan untuk mendapatkan faktor pengeluaran
- D semua perbelanjaan untuk mendapatkan faktor tetap dalam proses pengeluaran

13 Jadual di bawah menunjukkan kos dan output sebuah *firma persaingan sempurna*

| Output (unit) | Kos tetap purata (RM) | Kos berubah purata (RM) |
|------------------|--------------------------|----------------------------|
| 2 | 5.00 | 8.50 |
| 3 | 3.33 | 6.00 |
| 4 | 2.50 | 5.00 |
| 5 | 2.00 | 6.00 |
| 6 | 1.00 | 8.00 |

tamat.

SULIT*

SULIT*

Sekiranya firma tersebut menjual outputnya pada harga *RM10.00 seunit*, berapakah untung maksimum yang diperolehi oleh firma tersebut?

- A RM 0.00
- B RM 10.00
- C RM 20.00
- D RM 30.00

14 Monopoli kerajaan melindungi kebajikan pengguna dengan mengeluarkan output pada keadaan

- A kos sut sama dengan harga
- B kos purata sama dengan harga
- C kos purata sama dengan kos sut
- D kos purata berada pada titik minimum

15 Berikut adalah butiran bagi sebuah *firma persaingan sempurna*

| | |
|-----------------------|-----------|
| Kuantiti keseimbangan | 6 unit |
| Harga keseimbangan | RM 21.00 |
| Jumlah kerugian | RM 176.00 |
| Jumlah kos berubah | RM 90.00 |

944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

Pada keadaan keseimbangan, berapakah kos tetap yang dapat ditanggung oleh firma ini?

- A RM 36.00
- B RM 126.00
- C RM 176.00
- D RM 266.00

16 Yang manakah di antara ciri-ciri yang berikut dapat membezakan pasaran persaingan bermonopoli dengan bentuk-bentuk pasaran lain?


- A Firma bebas keluar masuk dalam industri
- B Terdapat lebih daripada satu penjual dan pembeli
- C Firma mendapat untung normal dalam jangka panjang
- D Terdapat kegiatan pengiklanan yang mempengaruhi hasil jualan

17 Sebuah firma membekalkan makanan sanggup menyediakan makanan dengan harga

RM 1.00 seorang sehingga 100 hidangan. Jika bilangan hidangan melebihi 100, harga yang dikenakan turun kepada RM 0.95 seorang. Berapakah hasil sut bagi hidangan ke 101?

- A RM 1.05
- B RM 1.00
- C RM 0.95
- D – RM 4.05

18 Rajah di bawah menunjukkan keluk kos sut (MC), kos purata (AC), kos berubah purata (AVC), hasil purata (AR) dan hasil sut (MR) bagi sebuah firma persaingan bermonopoli




944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*



Pada tingkat keseimbangan , firma ini mengalami

- A untung lebih normal sebanyak *RM* 36.00
- B untung lebih normal sebanyak *RM* 72.00
- C untung lebih normal sebanyak *RM* 96.00
- D untung lebih normal sebanyak *RM* 168.00

19 Jumlah faktor pengeluaran yang diminta akan memberi keuntungan maksimum kepada firma apabila

- A kos seunit faktor sama dengan kos tambahan yang dibayar ke atas faktor
- B hasil keluaran seunit faktor sama dengan perubahan jumlah hasil keluaran
- C tambahan kos sama dengan tambahan hasil akibat tambahan seunit faktor
- D jumlah keluaran seunit faktor sama dengan tambahan jumlah keluaran akibat tambahan seunit faktor

20 Sewa ekonomi adalah lebih besar daripada perolehan pindahan jika

- A penawaran faktor lebih anjal
- B penawaran faktor tidak anjal
- C permintaan terhadap faktor lebih anjal
- D permintaan terhadap faktor tidak anjal

SULIT***Bahagian B** [40 markah]

Jawab **empat** soalan sahaja.

21 Berdasarkan contoh yang sesuai, huraikan perbezaan antara

(a) *barang percuma* dengan *barang ekonomi* [5]

(b) *barang awam* dengan *barang persendirian* [5]

944/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

- 22 (a) Terangkan maksud keanjalan *permintaan silang*. [2]
 (b) Dengan menggunakan contoh berangka, jelaskan bagaimana dua barang itu dianggap sebagai *barang penggenap* dan bagaimana pula dua barang itu dianggap sebagai *barang pengganti*. [8]
- 23 (a) Dengan berbantuan gambar rajah, terangkan perbezaan antara *perubahan kuantiti diminta* dengan *perubahan permintaan*. [4]
 (b) Terangkan tiga faktor yang mempengaruhi peralihan keluk permintaan ke kanan. [6]
- 24 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *untung perakunan* dan *untung ekonomi* [2]
 (b) Dengan berbantuan angka tunjukkan perbezaan antara *untung ekonomi* dan *untung perakaunan* [8]
- 25 Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan perubahan yang akan berlaku apabila *firma persaingan sempurna* berubah menjadi *firma monopoli* dalam jangka panjang [10]
- 26 (a) Nyatakan maksud *kesatuan sekerja*. [2]
 (b) Terangkan **empat** cara bagaimana kesatuan sekerja boleh menuntut kenaikan upah untuk ahlinya. [8]

Bahagian C [20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

27 Fungsi keluk kemungkinan pengeluaran untuk barang *M* dan barang *N* bagi sebuah negara adalah seperti berikut:

$$Q_M = 80 - 2Q_N$$

dengan Q_N = Kuantiti barang *N* ('000 unit)

Q_M = Kuantiti barang *M* ('000 unit)

SULIT*

- (a) Berdasarkan fungsi di atas, sediakan jadual kemungkinan pengeluaran negara berkenaan untuk tingkat pengeluaran N sebanyak 0 unit; $10,000$ unit; $20,00$ unit; $30,000$ unit dan $40,000$ unit. [2]
- (b) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk kemungkinan pengeluaran tersebut [2]
- (c) Nyatakan jenis kos lepas untuk keluk kemungkinan pengeluaran di atas. [1]
- (d) Berikan alasan anda terhadap jawapan dalam (c) di atas. [2]
- (e) Sekiranya fungsi keluk kemungkinan pengeluaran telah berubah menjadi $Q_M = 80 - Q_N$
- (i) Lukis keluk kemungkinan pengeluaran yang baru pada gambar rajah jawapan (b) di atas [1]
- (ii) Berikan dua faktor yang menyebabkan perubahan sedemikian. [2]

28 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi suatu barang.

| Harga (RM) | Kuantiti diminta (unit) | Kuantiti ditawarkan (unit) |
|------------|-------------------------|----------------------------|
| 1 | 300 | 120 |
| 2 | 250 | 160 |
| 3 | 200 | 200 |
| 4 | 150 | 240 |
| 5 | 100 | 280 |

- (a) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan dan keluk penawaran pasaran. Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan. [3]
- (b) Jika kerajaan memberi subsidi sebanyak RM1 seunit,
- (i) Nyatakan persamaan penawaran sebelum dan selepas subsidi [2]
- (ii) Lukis keluk penawaran baru pada kertas graf yang sama. [1]
- (c) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan baru? [2]
- (d) Hitung jumlah subsidi yang dinikmati oleh pengguna dan pengeluar. [2]

29 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh yang digunakan dengan jumlah keluaran fizikal sebuah firma pasaran persaingan sempurna.

| Kuantiti buruh (unit) | Jumlah keluaran fizikal (unit) |
|-----------------------|--------------------------------|
| 0 | 0 |
| 1 | 170 |
| 2 | 310 |
| 3 | 420 |

SULIT*

| | |
|---|-----|
| 4 | 510 |
| 5 | 580 |
| 6 | 630 |
| 7 | 660 |
| 8 | 670 |

- (a) Hitung *keluaran fizikal sut* pada setiap tingkat buruh. [2]
- (b) Jika harga keluaran firma ialah *RM 5.00*, hitung jumlah hasil keluaran dan keluaran hasil sut. [3]
- (c) Jika kos purata buruh ialah *RM 450.00*,
- (i) berapakah kuantiti buruh yang dapat memaksimumkan untung firma? [2]
- (ii) berapakah untung atau rugi firma pada tingkat keseimbangan? [2]
- (d) Jika upah seunit buruh meningkat sebanyak *RM 100.00*, berapakah kuantiti buruh yang akan diminta oleh firma? [1]